

Pendekatan Pembelajaran al-Ghazali dan Kesannya Terhadap Pencapaian Tahap Kefahaman Membaca Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah

Al-Ghazali's Learning Approach and Its Effects on the Achievement of Malay Reading Comprehension Levels Among Secondary School Students

Sofia Hani Izyan Mohd Sopian

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang Selangor, Malaysia

Tel: +6012-2014997 Email: sofiahanizyan@yahoo.com.my

Simah Mamat (Corresponding Author)

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +6012-6447124 Email: simah@um.edu.my

Fadzilah Abd Rahman

Fakulti Pendidikan dan Pengajian Liberal, City University, 46100 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: +6019-390 2588 Email: fadzilah.rahman@city.edu.my

Abstrak

Kajian berbentuk kuasi eksperimen ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pendekatan pembelajaran al-Ghazali sebagai pendekatan alternatif bagi meningkatkan tahap kefahaman membaca dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini dijalankan selama enam minggu di sebuah sekolah menengah harian. Seramai 59 orang murid tingkatan empat iaitu 33 orang murid kumpulan eksperimen dan 26 orang murid kumpulan kawalan mempunyai prestasi Bahasa Melayu yang hampir sama. Data dianalisis menggunakan Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) Versi 25.0. Terdapat perbezaan yang signifikan dalam skor pascaujian bagi pencapaian keseluruhan kefahaman membaca antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan iaitu min praujian (58.18) dan min pascaujian (71.76) dalam kumpulan eksperimen yang menerima rawatan. Manakala bagi kumpulan kawalan yang menggunakan rawatan pendekatan

konvensional juga menunjukkan peningkatan dalam pencapaian kefahaman membaca dengan min praujian 58.69, dan min pascaujian 62.92. Kedua-dua kumpulan mempunyai peningkatan tahap kefahaman membaca, namun kumpulan eksperimen memperoleh skor min yang lebih tinggi (13.58) berbanding kumpulan kawalan (4.23). Kesimpulannya, pendekatan pembelajaran al-Ghazali dapat membantu meningkatkan pencapaian kefahaman membaca Bahasa Melayu di sekolah. Implikasi kajian adalah pendekatan alternatif perlu disesuaikan oleh guru mengikut kebolehan murid. Dapatan juga memberikan panduan kepada pihak KPM untuk menambahbaik kurikulum Bahasa Melayu dan pendekatan yang sesuai dalam meningkatkan kecemerlangan prestasi murid.

Kata kunci: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu; Kefahaman Membaca; Pendekatan al-Ghazali

Abstract

This quasi-experimental study aims to identify the effects of al-Ghazali's learning approach as an alternative approach to improve the level of reading comprehension in the teaching and learning of Malay. This study was conducted for six weeks in a day secondary school. A total of 59 fourth grade students, 33 experimental group students and 26 control group students have almost the same performance in Malay. Data were analyzed using Statistical Packages for the Social Sciences (SPSS) Version 25.0. There was a significant difference in the post-test score for the overall achievement of reading comprehension between the experimental group and the control group, namely the pre-test mean (58.18) and the post-test mean (71.76) in the experimental group that received treatment. While for the control group that used the conventional approach treatment also showed an increase in the achievement of reading comprehension with a pre-test mean of 58.69, and a post-test mean of 62.92. Both groups had an increase in reading comprehension, but the experimental group obtained a higher mean score (13.58) than the control group (4.23). In conclusion, al-Ghazali's learning approach can help improve the achievement of Malay reading comprehension at school. The implication of the study is that the alternative approach needs to be adapted by the teacher according to the student's abilities. The findings also provide guidance to the Ministry of Education and Culture to improve the Malay curriculum and the appropriate approach in improving student performance.

Keywords: *Teaching and Learning Malay; Reading Comprehension; Al-Ghazali's Approach*

Pengenalan

Sejauh manakah pendekatan al-Ghazali dapat membantu murid-murid untuk belajar kemahiran kefahaman membaca iaitu untuk tujuan pembelajaran dan kehidupan seharian? Kebiasaannya kefahaman terhadap bahan yang dibaca dapat diselitkan sama ada melalui pujukan lisan mahupun permodelan melalui pembacaan watak- watak dalam cerita (Ramlie & Hussin, 2014, Tengku Sarina & Fatimah, 2017 dan Ismail Hussein, 2017). Gambaran dan kebolehan murid-murid berimajinasi berdasarkan cerita yang dibaca mampu membuatkan murid seakan-akan berada dekat dengan latar tempat, budaya, masyarakat serta masa yang digambarkan melalui pembacaan mereka (DeBoer, 2013). Jelasnya, kefahaman boleh ditafsirkan sebagai kemampuan untuk menterjemah dan interpretasikan sama ada idea, kesan, mahupun akibat terhadap sesuatu perkara. Dalam konteks membaca, kefahaman diperlukan agar isi bahan bacaan boleh diketahui dalam memperoleh maklumat, ilmu pengetahuan, dan juga hiburan (Noor Harzilia, 2014). Lamborg dan Lamb (1980) dalam Noor Harzilia (2014) menekankan bahawa setiap aktiviti pembacaan itu akan lebih berkesan sekiranya mampu dikaitkan dengan pengalaman sedia ada pembaca agar mereka boleh untuk membuat penilaian, penaaakulan, dan juga kesimpulan.

Apabila murid-murid memahami sesuatu topik pembelajaran, maka mereka akan lebih berminat untuk mempelajari dan mengaplikasikannya dalam kehidupan mereka (Megan, Burrows, dan Brian (2014), dan Chew (2006). Kelebihan mempunyai kemahiran kefahaman membaca yang baik akan membolehkan murid berpeluang untuk berjaya dalam akademik (Mohd Yusof, 2011). Malah, hal ini membolehkan murid-murid memahami keperluan mereka untuk belajar dan mendapatkan maklumat yang sepatutnya melalui bacaan. Kemahiran kefahaman

membaca mempunyai kepentingan dalam diri murid kerana membaca tidak akan terhenti apabila tamatnya persekolahan, sebaliknya berterusan untuk kehidupan seharian. Sekiranya murid tidak memahami sepenuhnya apa yang dibaca, pastinya mereka tidak berjaya memproses maklumat yang diterima dengan rasional dan berkesan (Mohd Yusof, 2011).

Secara khusus objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pendekatan pembelajaran al-Ghazali terhadap pencapaian kefahaman membaca Bahasa Melayu murid tingkatan empat. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesan pendekatan konvensional terhadap pencapaian kefahaman membaca Bahasa Melayu murid tingkatan empat.

Berdasarkan objektif kajian, beberapa hipotesis nol telah dibentuk bagi menguji dapatan kajian. Diantara hipotesis kajian ialah (i) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional terhadap pencapaian keseluruhan membaca, (ii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional terhadap pencapaian keseluruhan membaca, (iii) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional dalam pembelajaran kefahaman membaca, dan (iv) Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dalam pembelajaran kefahaman

membaca.

Kajian ini mengadaptasi Teori Interaksionalis dan Teori Pembelajaran Sosial kerana elemen pendekatan pembelajaran al-Ghazali mengutamakan unsur interaksi dan hubungan yang baik antara guru dengan murid. Manakala, Teori Pembelajaran Sosial menekankan komponen kognitif iaitu fikiran, pemahaman dan evaluasi bertepatan dengan prinsip kemahiran kefahaman membaca. Kedua-dua teori ini bersesuaian dengan prinsip-prinsip yang ada dalam pendekatan pembelajaran al-Ghazali yang diaplikasikan dalam kajian ini sebagai salah satu pendekatan pengajaran dan pembelajaran kemahiran kefahaman membaca (Keith, et al., 2017).

Pendekatan Pembelajaran al-Ghazali

Kajian-kajian lepas banyak melibatkan teori pendidikan al-Ghazali dengan pembelajaran Bahasa Arab dan juga pendidikan agama Islam. Kajian oleh (Nu'tih Kamalia, 2015, Ab. Halim & Mohamad Khairul, 2010) menyatakan konsep pendidikan al-Ghazali melahirkan keperibadian muslim yang baik iaitu dengan pembentukan akhlak yang baik berdasarkan al-Quran dan sunnah yang mampu meningkatkan nilai-nilai moral dan sifat-sifat yang baik dalam kehidupan. Keseluruhan pendekatan mahupun kaedah yang dikemukakan oleh al-Ghazali lebih berpusatkan kepada murid (child center) iaitu dengan memberikan lebih keutamaan kepada murid-murid berbanding dengan guru mahupun para pendidik (Abdul Salam, 2003). Antara kaedah yang dicadangkan oleh al-Ghazali ialah kaedah contoh teladan, kaedah bimbingan dan kaunseling, kaedah cerita, kaedah motivasi dan kaedah mendorong semangat (reinforcement).

Tambahan pula, kaedah pengajaran guru juga seharusnya disesuaikan dengan

keadaan murid itu sendiri. Misalnya, sesetengah murid mungkin memerlukan penjelasan yang lebih daripada guru, manakala sesetengah murid lagi pula memerlukan guru menunjukkan cara atau teknik dalam sesi PdP. Aspek persekitaran seperti bilik darjah juga boleh mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran antara guru dengan murid. Sekiranya terdapat pelbagai gangguan yang boleh menggugat keselesaan belajar di dalam bilik darjah, sudah tentunya proses PdP akan mendapat impak yang negatif. Walau bagaimanapun, penggunaan kepelbagaian kaedah ini bergantung kepada kreativiti guru kerana dalam proses PdP, pendekatan mahupun kaedah pengajaran bergantung kepada keadaan murid, topik pelajaran, dan juga keadaan persekitaran.

Seterusnya, al-Ghazali turut menekankan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang pada asasnya melibatkan tiga perkara utama iaitu mata pelajaran yang dipelajari (al-mawad), orang menerima pelajaran (talib), dan orang yang memberi pengajaran (al-mualim). Maka, dalam kajian ini mata pelajaran Bahasa Melayu yang tertumpu kepada kemahiran membaca akan bertindak sebagai al-mawad, murid sebagai talib, dan guru sebagai al-mualim. Penglibatan dan interaksi antara ketiga-tiga perkara inilah yang dianggap sebagai proses pengajaran dan pembelajaran (Khalid, 2016). Hal ini membawa maksud bahawa perhubungan yang baik antara guru dan murid perlu sentiasa dipelihara agar proses belajar tersebut dapat berjalan dengan lancar (Yunus, Osman, & Ishak, 2011), dan bukannya apabila tamat sahaja sesi persekolahan dalam konteks masa kini, guru dan murid umpama saling tidak mengenali.

Prinsip dalam Pendekatan Pengajaran al-Ghazali

Al-Ghazali tidak menyatakan satu

pendekatan pengajaran secara khusus dalam pendidikan keculi untuk disiplin ilmu yang melibatkan ilmu syariat dan ilmu akhlak. Walaupun begitu, al-Ghazali telah mencadangkan beberapa prinsip pengajaran yang boleh diikuti oleh para guru dan juga murid-murid (Abdul Salam, 2003).

Prinsip-prinsip pengajaran dan pembelajaran yang dikemukakan adalah seperti berikut: (i) Hubungan yang positif antara guru dengan murid: Hubungan antara guru dengan murid yang dibina atas dasar kasih-sayang lemah-lembut, saling menghormati dan saling mempercayai amat diharapkan oleh al-Ghazali. Apabila wujudnya hubungan yang baik sebegini, maka ianya akan memudahkan proses penyampaian dan penerimaan ilmu, (ii) Sifat-sifat baik oleh murid: al-Ghazali menjelaskan sifat-sifat yang baik perlu dimiliki oleh murid-murid agar proses pengajaran dan pembelajaran yang diterima menjadi lebih mudah. Antara sifat yang perlu dimiliki oleh murid adalah ikhlas, setia, dan tidak tercela kepada kemaksiatan. Murid yang mempunyai sifat yang baik akan dapat menghindarkan diri mereka daripada perasaan benci terhadap mana-mana pembelajaran yang tidak dikenali dan mengelakkan daripada menganggap mata pelajaran lain sebagai remeh, (iii) Penyesuaian ilmu dengan tahap murid: Al-Ghazali merupakan pendukung kepada penyusunan kurikulum yang disesuaikan dengan nilai ilmu mengikut kesesuaian mahupun tahap kesediaan murid-murid. Al-Ghazali mengakui bahawa adanya perbezaan antara individu dari sudut akal fikiran dan kemampuan masing-masing. Maka, al-Ghazali menggalakkan proses pendidikan yang dilaksanakan hendaklah disesuaikan dan diselarikan dengan kemampuan dan kesediaan mental murid-murid, (iv) Mempelajari perkara mudah kepada perkara susah: Proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan boleh

dilakukan secara berperingkat seperti pembelajaran yang senang kepada pembelajaran yang susah (kompleks). Apabila PdP dilakukan secara berperingkat, kekeliruan murid akan dapat dielakkan serta murid-murid juga akan mudah mendapatkan lebih kefahaman terhadap perkara asas sebelum beralih kepada isi pelajaran yang lebih sukar pemahamannya, (v) Penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran: Daya tumpu murid dalam setiap sesi PdP amat penting bagi memastikan ilmu yang diterima dapat difahami dan diterima dengan sempurna. Perkara yang perlu murid lakukan ialah dengan memberikan perhatian sepenuhnya dari aspek pancaindera seperti penglihatan dan pendengaran sewaktu PdP dijalankan untuk membantu mereka menajamkan tumpuan terhadap ilmu yang diterima, (vi) Memberi pandangan dan idea: Setiap sesi pengajaran dan pembelajaran perlu mewujudkan satu suasana di mana guru dan murid berpeluang mengemukakan pandangan, idea, mahupun cadangan masing-masing terhadap subjek yang dipelajari. Guru boleh memberikan idea dan pandangan dalam pengajaran mereka agar murid-murid dapat mengambil ikhtibar dan boleh meningkatkan pengalaman serta maklumat sendiri mereka, dan sudah tentunya murid turut digalakkan untuk memberikan idea dan pandangan juga secara kritis dan kreatif, (vii) Latihan merangsang minda murid: Guru digalakkan untuk memberikan latihan yang boleh memberikan rangsangan kepada minda murid yang meliputi aspek disiplin, contoh-contoh yang bernas, dan juga penggunaan alat bantu mengajar yang bersesuaian. Pengajaran bersistematik ataupun latihan bereksperimen membolehkan murid-murid mendapat keyakinan terhadap ilmu yang diperoleh kerana murid dapat mencari kebenaran melalui pengajaran tersebut, dan (viii) Mewujudkan sifat bertolak-ansur: Al-Ghazali menyatakan bahawa perlu ada sifat

bertolak-ansur di antara guru dengan murid pada setiap sesi PdP. Hal ini kerana murid merupakan golongan remaja yang sedang mengalami proses perkembangan fizikal dan minda. Malah, dari segi psikologi mereka juga masih lagi belum stabil dan kerap mengalami perubahan seperti perubahan emosi (Shafizan, 2017).


Keupayaan guru dan kesediaan murid amat berkait rapat dan boleh memberikan kesan utama kepada pencapaian akademik dan pembangunan sosoal berbanding dengan latar belakang seseorang murid yang berkenaan. Hal ini bermakna pendekatan pembelajaran al-Ghazali menekankan guru sebagai penggerak utama yang dapat mempengaruhi murid-murid melalui amalan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah yang berkesan (Mohd Zahirwan & Paiz, 2017). Guru merupakan kumpulan yang bertindak sebagai elemen utama dalam menghasilkan perubahan dan menggalakkan pembelajaran yang bersesuaian bagi melahirkan murid-murid yang mempunyai nilai-nilai murni dan tahap kehidupan yang berkualiti tinggi (Mohd Nasri, Kamarul, & Sulaiman, 2017).

Kajian Ahmad Khair (2001) bertajuk *Kemerosotan Pencapaian Bahasa Melayu Peringkat SPM* menunjukkan bahawa suasana bilik darjah sering mengamalkan proses komunikasi sehala iaitu hanya guru yang bertindak sebagai sumber yang menguasai hampir keseluruhan proses komunikasi tersebut. Justeru, murid-murid akan bersifat pasif dan hanya menunggu untuk menerima jawapan daripada guru bagi setiap persoalan yang dibangkitkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk kemahiran kefahaman membaca. Maka, pendekatan pembelajaran al-Ghazali yang berpusatkan kepada murid-murid dan guru bertindak sebagai pemudahcara akan didedahkan kepada murid-murid tersebut dengan harapan mereka akan dapat menguasai

pembelajaran mereka terutamanya dalam kefahaman membaca dengan lebih bersistematik dan seterusnya mampu memberi kesan kepada pencapaian Bahasa Melayu mereka terutamanya dalam kemahiran kefahaman membaca. Tuntasnya, dapatan kajian yang telah dijalankan oleh para penyelidik menunjukkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai diharapkan akan dapat membantu meningkatkan tahap penguasaan dan tahap pencapaian kefahaman membaca dalam kalangan murid-murid sekolah menengah. Untuk itu, pengkaji mencadangkan pendekatan pembelajaran al-Ghazali ini sebagai alternatif kepada pendekatan sedia ada (konvensional) pada masa kini.

Berdasarkan Rajah 1, elemen yang diketengahkan oleh kedua-dua teori tersebut ialah aliran kognitif yang menekankan proses pemahaman dalam penyampaian makna sewaktu membaca teks, dan aliran behaviorisme berkaitan dengan tingkah laku melakukan latihan

kemahiran membaca dengan kerap semasa tempoh pengajaran dan pembelajaran. Kerangka teoritikal yang dibina menunjukkan hasil daripada penggabungan elemen-elemen yang ada dalam kedua-dua teori interaksionalis dan teori pembelajaran sosial yang akhirnya membentuk X iaitu pendekatan pembelajaran al-Ghazali. Teori interaksionalis menyatakan bahawa keupayaan kognitif sahaja tidak mencukupi untuk menjelaskan penggunaan bahasa dapat dikuasai (Keith, Halida, & Rosmawijah, 2017), apatah lagi dalam kemahiran kefahaman membaca yang memerlukan murid bukan sahaja mampu berfikir malah perlu mampu untuk mentafsir makna yang dibaca. menyatakan bahawa proses meniru tingkah laku dalam pembelajaran tiruan juga merupakan satu model tindakan belajar. Oleh yang demikian, guru perlu menampilkan tingkah laku yang perlu dicontohi oleh murid-murid serta bertolak ansur dalam setiap demonstrasi pembelajaran di dalam bilik darjah agar murid dapat mengikuti PdP dengan mudah dan tepat.



Rajah 1: Kerangka teoretikal modul pembelajaran al-Ghazali

Metodologi

Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk Kuasi Eksperimen Kumpulan Kawalan Tidak Serupa (Mohd Majid, 2005) yang juga dikenali sebagai reka bentuk Ujian Pra Pasca bagi Kumpulan- kumpulan Tidak Seimbang (Chong, 2009). Kajian ini dijalankan ke atas murid Tingkatan Empat di sebuah sekolah menengah kebangsaan harian biasa di daerah Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini berbentuk Kuasi Eksperimen dan melibatkan dua buah kumpulan kawalan tidak serupa (Mohd Majid, 2005). Kumpulan eksperimen dari Kelas A sebagai kumpulan eksperimen akan menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dalam sesi pengajaran kefahaman membaca, dan Kelas B sebagai kumpulan kawalan akan menggunakan pendekatan konvensional dalam sesi pengajaran kefahaman membaca tersebut.

Jadual 1 menunjukkan perbandingan pencapaian antara kedua-dua pendekatan pengajaran ini dapat diuji dengan menggunakan soalan praujian dan soalan pascaujian. Praujian dijalankan ke atas kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada minggu pertama kajian. Pendekatan pengajaran menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dalam kajian ini merupakan bahan utama yang menentukan objektif kajian untuk melihat tahap keberkesanan pendekatan pembelajaran al-Ghazali ke arah meningkatkan pencapaian kefahaman membaca murid tingkatan empat. Reka bentuk kajian ini dipilih kerana kajian berbentuk eksperimen boleh dijalankan untuk menentukan kesan sesuatu olahan (Mohd Majid, 2005) dan membolehkan pemboleh ubah tidak bersandar dimanipulasikan untuk melihat kesannya terhadap pemboleh ubah bersandar (Noraini, 2010).

Jadual 1: Reka Bentuk Eksperimen Kumpulan Kawalan Tidak Serupa

Kelas	Kumpulan	Praujian	Pendekatan Pengajaran	Pascaujian
A	Eksperimen	/	pendekatan Pembelajaran al-Ghazali	/
B	Kawalan	/	Pendekatan konvensional	/

Manakala, kuasi eksperimen dipilih sebagai reka bentuk kajian apabila pengalihan secara rawak tidak dapat digunakan dalam proses pemilihan sampel kajian (Noraini, 2010) bagi mewakili kumpulan eksperimen dan kawalan kerana mengubah kedudukan sedia ada murid di dalam sesebuah kelas akan memberi kesan sampingan kepada dapatan kajian (Mohd Majid, 2005). Tempoh masa kajian ini dijalankan adalah selama 6 minggu adalah kerana untuk mengawal kesan kematangan murid-murid (Noraini, 2010). Kesan kematangan ini

akan dapat dikawal apabila kajian yang dilakukan tidak mengambil masa yang lama. Sampel kajian mungkin akan berasa letih dan bosan sekiranya tempoh kajian dilakukan terlampau lama (Noraini, 2010).

Seramai 33 orang murid Tingkatan 4 Erat terdiri daripada 12 orang murid lelaki dan 21 orang murid perempuan telah dipilih sebagai kumpulan eksperimen. Latihan menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dijalankan kepada murid ini dengan menjadikan guru sebagai sumber

utama dalam menyampaikan pengajaran semasa kemahiran kefahaman membaca. Rancangan Pengajaran Harian untuk pendekatan pembelajaran al-Ghazali akan melibatkan lapan prinsip seperti yang telah dinyatakan dalam bahagian sebelum ini. Rancangan Pengajaran Harian tersebut disediakan oleh penyelidik sendiri dan disemak oleh guru Bahasa Melayu yang berpengalaman daripada sekolah kajian tersebut. Selepas proses pengajaran dan pembelajaran, murid diberikan soalan kefahaman untuk mengenal pasti penguasaan kemahiran kefahaman membaca mereka. Seramai 26 orang murid Tingkatan 4 Sayang terdiri daripada 10 orang murid lelaki dan 16 orang murid perempuan telah dipilih sebagai kumpulan kawalan.

Pengajaran menggunakan pendekatan konvensional yang dikendalikan oleh guru Bahasa Melayu yang sama untuk kumpulan eksperimen. Hal ini kerana untuk mengurangkan sifat berat sebelah antara kedua-dua kelas kajian terlibat. Pengajaran mengambil masa selama 60 minit bagi setiap waktu pembelajaran, iaitu dua waktu berkembar bagi setiap minggu. Guru Bahasa Melayu akan menjalankan pengajaran menggunakan pendekatan konvensional menggunakan Rancangan Pengajaran Harian yang akan disediakan oleh penyelidik sendiri. Selepas proses pengajaran dan pembelajaran, murid diberikan soalan kefahaman untuk mengenal pasti penguasaan kemahiran kefahaman membaca mereka.

Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian

Terdapat beberapa faktor yang boleh mempengaruhi kesahan dan kebolehpercayaan kajian yang dijalankan seperti kesahan luaran, kesahan dalaman. Kesahan luaran merujuk kepada sejauh mana kesimpulan kajian boleh diaplikasikan kepada sampel kajian dan

lokasi kajian yang berbeza (Noraini, 2010). Kesan luaran ini juga boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu bahagian ekologi dan populasi (Sidek Mohd, 2002). Namun, beberapa ancaman boleh mengganggu kesahan luaran sesuatu kajian seperti sampel kajian kurang untuk mewakili populasi sasaran, menyebabkan kesan tikus putih, dan juga penyelidikan yang dilakukan melibatkan isu-isu sensitif (Noraini, 2010). Walau bagaimanapun, kesahan luaran bagi kajian ini dapat dipertingkatkan dengan pengkaji memilih sampel kajian yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama iaitu sampel kajian mempunyai pencapaian kefahaman membaca yang berada pada tahap sederhana. Oleh itu, dapatan kajian ini boleh digeneralisasikan kepada murid-murid yang mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan sampel kajian iaitu murid-murid tingkatan empat yang memperoleh pencapaian sederhana dalam kemahiran kefahaman membaca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

Kesahan instrumentasi pula merujuk kepada sesuatu instrumen kajian yang digunakan boleh mengukur perkara yang ingin diukur (Chua, 2010). Dalam kajian ini, instrumen kajian yang berbentuk Soalan Praujian dan Soalan Pascaujian perlu diuji kesahan muka dan kesahan kandungannya untuk meningkatkan kebolehannya dalam mengukur kesan penggunaan pendekatan pembelajaran Al-Ghazali terhadap pencapaian kefahaman membaca Bahasa Melayu. Petikan dan soalan kefahaman membaca yang diguna pakai dalam kajian ini menepati aspek, ciri, dan reka bentuk soalan sebenar bagi peperiksaan Bahasa Melayu SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) Kertas 2 (pendekatan Cakna Terbilang SPM, 2019). Pencapaian kefahaman membaca ini mengikut permarkahan yang ditetapkan oleh kementerian dan guru cemerlang Bahasa Melayu akan turut bersama pengkaji


memeriksa hasil jawapan kefahaman membaca. Kebolehpercayaan juga dapat ditingkatkan apabila mewujudkan kumpulan kawalan sebagai asas perbandingan kumpulan eksperimen kesan rawatan kajian yang diberikan (Noraini, 2010).

Murid-murid kumpulan kawalan menerima proses yang tempoh yang sama dengan murid-murid kumpulan eksperimen, iaitu diberikan praujian dan pascaujian. Namun, perbezaan kedua-dua kumpulan ini hanyalah merujuk kepada pendekatan pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca yang berbeza iaitu kumpulan kawalan menggunakan pendekatan konvensional dan kumpulan eksperimen menggunakan pendekatan pembelajaran Al-Ghazali. Pendekatan dan instrumen kajian telah disemak dan disahkan oleh guru cemerlang Bahasa Melayu setelah beberapa semakan dan pengubahsuaian dibuat setelah mendapat maklum balas daripada guru tersebut. Tambahan pula, petikan teks dan soalan kefahaman membaca yang diguna pakai dalam kajian ini menepati aspek, ciri, dan reka bentuk soalan sebenar bagi peperiksaan Bahasa

Melayu SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) Kertas 2 (pendekatan Cakna Terbilang SPM, 2019). Justeru, kebolehpercayaan alat kajian ini boleh dikatakan tinggi.

Prosedur Penggunaan Pendekatan Pembelajaran al-Ghazali

Jumlah masa bagi satu waktu pengajaran berkembar ialah 60 minit. Minggu pertama murid akan menduduki praujian, minggu kedua sehingga minggu kelima murid kumpulan eksperimen dan murid kumpulan kawalan akan menjalani sesi PdP menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dan pendekatan konvensional (Rajah 2). Kedua-dua pendekatan pengajaran ini akan dijalankan secara serentak. Seterusnya, pada minggu keenam, kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan akan menjalani pascaujian. Selain itu, pengajaran dan pembelajaran kemahiran kefahaman membaca kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dijalankan oleh seorang guru yang sama agar dapat mengelakkan sifat berat sebelah (bias) antara kedua-dua buah kumpulan tersebut (Zuraini, 2014).



Rajah 2: Rangka Kerja Pengajaran Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Pendekatan konvensional dijalankan kepada kumpulan kawalan dirancang mengikut prosedur seperti Langkah 1 guru akan memberikan pengenalan pengajaran (set induksi) kepada murid-murid sebelum memulakan PdP kemahiran kefahaman membaca. Langkah 2 pula ialah guru memberikan petikan dan soalan kefahaman kepada murid-murid. Aktiviti bacaan pada Langkah 2 ini akan dilakukan secara lantang ataupun bacaan secara senyap boleh dilakukan. Seterusnya pada Langkah 3, murid-murid diberikan masa untuk berbincang dan mencari maklumat tersurat mahupun tersirat berdasarkan petikan yang diberikan oleh guru. Pada Langkah 4, guru akan membantu murid-murid memahami petikan yang dibaca, misalnya guru menjelaskan perkataan, frasa, dan ayat yang sukar difahami oleh murid-murid, dan maklumat lain yang berkaitan dengan petikan kefahaman membaca. Pada langkah ini juga, guru akan mengemukakan soalan secara lisan dan membimbing murid untuk menjawab soalan tersebut. Kemudian pada langkah terakhir iaitu Langkah 5, guru akan meminta murid-murid menjawab soalan kefahaman yang telah diberikan. Pada akhir sesi pengajaran dan pembelajaran, murid-murid perlu menyerahkan kertas soalan yang telah dijawab untuk disemak oleh guru.

Data markah praujian dan pascaujian yang diterima dianalisis menggunakan Statistical Package for The Social Science (SPSS) Versi 25.0. Ujian-t digunakan untuk menguji hipotesis kajian ini dengan aras signifikan ditetapkan pada 0.05. Pengkaji mengira skor min praujian dan skor min pascaujian bagi kedua-dua kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Perbezaan skor min markah kedua-dua ujian tersebut dapat menentukan sama ada terdapat kesan yang signifikan atau sebaliknya bagi kedua-dua pendekatan yang telah diaplikasikan.

Dapatan dan Perbincangan

Pencapaian Pendekatan Pembelajaran al-Ghazali dan Konvensional

Hasil daripada penggunaan dua pendekatan pengajaran iaitu pendekatan pembelajaran al-Ghazali dan pendekatan konvensional dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran kefahaman membaca bagi mata pelajaran Bahasa Melayu adalah sepertimana didalam Jadual 2. Ia menunjukkan bilangan dan peratusan sampel kajian mengikut jantina dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

Jadual 2: Bilangan dan Peratusan Sampel Kajian Mengikut Jantina Dalam Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Jantina / Kumpulan	Lelaki		Perempuan		Jumlah Sampel	
	Bilangan (n)	Peratus (%)	Bilangan (n)	Peratus (%)	Bilangan (n)	Peratus (%)
Eksperimen	13	39.4	20	60.6	33	56
Kawalan	9	34.6	17	65.4	26	44
Jumlah Keseluruhan Sampel					59	100


Seramai 33 orang murid daripada 4 Erat dijadikan kumpulan eksperimen menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali, manakala 26 orang murid daripada 4 Sayang menggunakan

pendekatan konvensional dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca. Kumpulan eksperimen terdiri daripada 13 orang murid lelaki (39.4%) dan 20 orang murid perempuan (60.6%), manakala

kumpulan kawalan terdiri daripada 9 orang murid lelaki (34.6%) dan 17 orang murid perempuan (65.4%).

Dapatan kajian dalam Rajah 3

menunjukkan skor min dan sisihan piawai pencapaian kefahaman membaca praujian dan pascaujian bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan secara keseluruhan.



Rajah 3: Skor Min Keseluruhan Praujian dan Pascaujian

Pada keseluruhannya, Rajah 3 menunjukkan perbezaan min praujian (58.18) dan min pascaujian (71.76) dalam kumpulan eksperimen yang menerima rawatan pendekatan pembelajaran al-Ghazali adalah besar iaitu 13.58. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan pendekatan pembelajaran al-Ghazali terhadap murid tingkatan empat berkesan meningkatkan pencapaian kefahaman membaca Bahasa Melayu mereka. Manakala, kumpulan kawalan yang menggunakan rawatan pendekatan konvensional juga menunjukkan peningkatan dalam pencapaian kefahaman membaca dengan memperoleh min praujian 58.69, dan min pascaujian 62.92. Walau bagaimanapun, perbezaan min praujian dan pascaujian tersebut adalah kecil iaitu 4.23, jika dibandingkan dengan perbezaan min kumpulan eksperimen yang menggunakan

pendekatan pembelajaran al-Ghazali.

Perbezaan Pencapaian Keseluruhan Praujian

Hipotesis yang dinyatakan telah diuji bagi menentukan murid yang dipilih sebagai kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan mempunyai tahap prestasi yang sama dan seimbang.

Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional terhadap pencapaian keseluruhan membaca.

Berdasarkan pada Jadual 3 di atas

menunjukkan skor min praujian untuk kumpulan eksperimen ialah 58.18 dan sisihan piawai 7.614, manakala skor min praujian untuk kumpulan kawalan pula ialah 58.69 dan sisihan piawai 5.229 dengan nilai $t(25) = 1.123$, $p > 0.05$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan 0.272 lebih besar dari aras signifikan 0.05. Hal ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran

al-Ghazali dengan skor min praujian kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca. Perbezaan kecil data yang diterima, menunjukkan bahawa murid-murid dari kedua-dua kumpulan tersebut mempunyai pengetahuan sedia ada dan kemahiran yang seimbang sebelum rawatan dijalankan. Justeru, hipotesis H_0 yang dinyatakan diterima.

Jadual 3: Perbezaan Pencapaian Keseluruhan Praujian Bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	df	Nilai t	Sig. P
Eksperimen	33	58.18	7.614	25	1.123	.272
Kawalan	26	58.69	5.229			

*Tahap signifikan pada aras < 0.05

Perbezaan Pencapaian Keseluruhan Pascaujian

Berikut dipaparkan dapatan kajian bagi pencapaian keseluruhan pascaujian oleh kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan untuk menguji hipotesis nol yang dinyatakan.

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional terhadap pencapaian keseluruhan membaca.

Jadual 4 menunjukkan skor min pascaujian untuk kumpulan eksperimen ialah 71.15 dan sisihan piawai 9.939, manakala skor

min pascaujian untuk kumpulan kawalan pula ialah 62.92 dan sisihan piawai 5.926 dengan nilai $t(25) = 3.841$, $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan 0.001 lebih kecil dari aras signifikan 0.05. Berdasarkan data analisis yang diperoleh menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca. Berdasarkan perbezaan skor min yang diterima, menunjukkan bahawa pencapaian keseluruhan kemahiran kefahaman membaca kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan. Justeru, hipotesis H_0 yang dinyatakan ditolak.

Jadual 4: Perbezaan Pencapaian Keseluruhan Pascaujian Bagi Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan

Kumpulan	N	Min	Sisihan Piawai	df	Nilai t	Sig. P
Eksperimen	33	71.15	9.939	25	3.841	.001
Kawalan	26	62.92	5.926			

*Tahap signifikan pada aras <0.05

Perbezaan Praujian dan Pascaujian Kumpulan Kawalan

Berikut dipaparkan dapatan kajian bagi praujian dan pascaujian pencapaian kefahaman membaca oleh kumpulan kawalan untuk menguji hipotesis nol yang dinyatakan.

Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan

konvensional dalam pembelajaran kefahaman membaca.

Jadual 5 di atas menunjukkan dapatan pencapaian kefahaman membaca bagi kumpulan kawalan iaitu skor min praujian ialah 58.69 dan sisihan piawai 5.229, manakala skor min pascaujian ialah 62.92 dan sisihan piawai 5.926 dengan nilai $t(25) = -5.150$, $p < 0.05$. Keputusan menunjukkan nilai signifikan ialah 0.000 lebih kecil dari aras signifikan 0.05.


Jadual 5: Perbezaan Praujian dan Pascaujian Pencapaian Kefahaman Membaca Bagi Kumpulan Kawalan

Kumpulan Kawalan	N	Min	Sisihan Piawai	df	Nilai t	Sig. P
Praujian	26	58.69	5.229	25	-5.150	.000
Pascaujian	26	62.92	5.926			

*Tahap signifikan pada aras <0.05.

Berdasarkan data yang diperoleh, terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional dalam pengajaran dan

pembelajaran kefahaman membaca (Rajah 4). Justeru, hipotesis H_0 yang dinyatakan ditolak. Walau bagaimanapun, peningkatan skor min antara praujian dan pascaujian kumpulan kawalan ini adalah kecil iaitu 4.23.



Rajah 4: Perbezaan Skor Min Praujian dan Pascaujian Kumpulan Kawalan

Perbezaan Praujian dan Pascaujian Kumpulan Eksperimen

Berikut dipaparkan dapatan kajian bagi praujian dan pascaujian pencapaian kefahaman membaca oleh kumpulan eksperimen untuk menguji hipotesis nol yang dinyatakan.

Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dalam pembelajaran kefahaman membaca.


Jadual 6 menunjukkan dapatan pencapaian kefahaman membaca bagi kumpulan eksperimen iaitu skor min praujian ialah 58.18 dan sisihan piawai 7.614, manakala skor min pascaujian ialah 71.76 dan sisihan piawai 10.284 dengan nilai $t(32) = -15.368$, $p < 0.05$.

Keputusan menunjukkan nilai signifikan ialah 0.000 lebih kecil dari aras signifikan 0.05. Berdasarkan data analisis yang diperolehi, terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian bagi kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dalam pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca (Rajah 5). Justeru, hipotesis H_0 yang dinyatakan ditolak. Perbezaan skor min yang besar antara praujian dan pascaujian iaitu 13.58 menunjukkan bahawa pengajaran yang diterapkan dengan menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dalam pembelajaran kefahaman membaca adalah lebih tinggi berbanding pencapaian praujian. Maka, penggunaan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu berkesan dalam meningkatkan kefahaman membaca murid.

Jadual 6: Perbezaan Praujian dan Pascaujian Pencapaian Kefahaman Membaca Bagi Kumpulan Eksperimen

Kumpulan Eksperimen	N	Min	Sisihan Piawai	df	Nilai t	Sig. P
Praujian	33	58.18	7.614	32	-15.368	.000
Pascaujian	33	71.76	10.284			

*Tahap signifikan pada aras < 0.05



Rajah 5: Perbezaan Skor Min Praujian dan Pascaujian Kumpulan Eksperimen

Kemahiran kefahaman membaca melibatkan proses komunikasi antara pembaca dengan bahan yang dibaca, secara tidak langsung ianya merupakan satu proses yang memerlukan pembaca memahami perkara yang ingin disampaikan oleh penulis (Abdul Ghalib, 2001). Kemahiran kefahaman membaca merupakan salah satu aspek penting yang memerlukan perhatian guru kerana kemahiran tersebut berkait rapat dengan keupayaan kognitif murid-murid (Yahya Othman, 2005). Maka, penggunaan pendekatan yang bersesuaian dengan tahap kesediaan mental murid amat digalakkan agar pengajaran kemahiran kefahaman membaca menjadi menarik dan tidak membosankan (Yahya Othman, 2005).

Kajian ini mempunyai tujuan untuk mengenal pasti kesan dua pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang berbeza iaitu pendekatan pembelajaran al-Ghazali dan pendekatan konvensional terhadap pencapaian kefahaman membaca murid tingkatan empat bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini melibatkan dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah bebas ialah pendekatan pengajaran yang digunakan dalam kajian ini iaitu

pendekatan pembelajaran al- Ghazali dan pendekatan konvensional. Manakala, pemboleh ubah bersandar pula ialah pencapaian kefahaman membaca murid-murid kesan daripada penggunaan kedua-dua pendekatan tersebut.

Seterusnya, kajian ini menggunakan reka bentuk Kuasi Eksperimen Kumpulan Kawalan Tidak Serupa (Mohd Majid, 2005) yang juga dikenali sebagai reka bentuk Ujian Pra – Pasca bagi Kumpulan-kumpulan Tidak Seimbang (Chong, 2009). Kajian ini dijalankan selama enam minggu ke atas 59 orang murid tingkatan empat iaitu 33 orang murid kumpulan eksperimen dan 26 orang murid kumpulan kawalan di SMK Seri Serdang, Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan. Murid-murid yang berada dalam kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan ini mempunyai prestasi yang hampir sama dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mengikut keputusan PT3 mereka dan juga dibuktikan lagi dengan keputusan skor min praujian yang telah dijalankan pada awal kajian ini.

Hasil pengujian hipotesis kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian

kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al- Ghazali dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional terhadap pencapaian keseluruhan membaca. Ada terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min pascaujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al- Ghazali dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional terhadap pencapaian keseluruhan membaca. Terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional dalam pembelajaran kefahaman membaca, disamping perbezaan yang signifikan antara skor min praujian dengan skor min pascaujian kumpulan eksperimen yang menggunakan pendekatan pembelajaran al-Ghazali dalam pembelajaran kefahaman membaca.

Kesimpulan

Pendekatan pembelajaran al-Ghazali dan pendekatan secara konvensional masing-masing mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang dapat dikesan sepanjang tempoh kajian ini dilaksanakan. Antara perbandingan yang dapat dibuat oleh pengkaji berdasarkan tinjauan yang dilakukan terhadap kedua-dua kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan ialah kreativiti dan keupayaan murid untuk menjawab soalan-soalan mahupun latihan yang diberikan oleh guru semasa pembelajaran di dalam bilik darjah. Ketika kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan konvensional menjalani aktiviti pengajaran dan pembelajaran kefahaman membaca, murid-murid telah membentuk kumpulan mereka sendiri untuk mengadakan sesi perbincangan bersama rakan-rakan. Secara keseluruhannya, perkara yang dapat dilihat sewaktu perbincangan ialah tidak semua murid dalam kumpulan aktif dalam mencari jawapan terhadap persoalan yang berbangkit. Malah, hanya beberapa orang murid sahaja yang membaca

keseluruhan bahan bacaan yang diberi, dan sebahagian murid lagi hanya menunggu jawapan untuk ditulis dalam ruangan jawapan bahan bacaan. Maka, secara tuntasnya, pendekatan pembelajaran al-Ghazali ini mempunyai kelebihan sendiri yang dapat diadaptasi dalam mencapai objektif pembelajaran yang dicapai. Prinsip-prinsip yang ada dalam pendekatan pembelajaran al-Ghazali ini membolehkan wujudnya sifat positif murid terhadap sesuatu pembelajaran. Secara tidak langsung, guru-guru juga dapat memperoleh dan mempraktikkan satu pendekatan khas yang boleh disesuaikan dengan kemampuan murid-murid mereka. Maka, wajarlah pendekatan pembelajaran al-Ghazali ini dijadikan satu pendekatan alternatif yang boleh diaplikasikan dalam meningkatkan kecemerlangan prestasi murid-murid sama ada dalam mata pelajaran Bahasa Melayu mahupun mata pelajaran yang lain-lain.

Rujukan

- Ab. Halim, T., & Mohamad Khairul. (2010). Amalan pengajaran guru pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1): 43-56.
- Abd. Aziz, A. T. (2000). *Pedagogi bahasa Melayu: prinsip, kaedah, dan teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Abd. Munir, M. N. (2010). Falsafah pendidikan menurut Ibnu Khaldun dan John Dewey. *Journal Pengajian Pendidikan Islam*, 5(1):187-193.
- Abdul Ghalib, Y. (2001). *Penggunaan soalan dalam pengajaran kefahaman membaca*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Abdul Ghalib, Y. (2004). *Pencapaian bahasa Melayu yang memberangsangkan*. Kuala Lumpur: Pelita Bahasa.

Abdul Hakim, A., Ab. Aziz, S., & Wan Ismail, W. A. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, 10(1):104-121.

Abdul Mutalib, N. (2017). Pembelajaran abad ke 21 bukan sekadar susun kerusi dan meja. Percetakan Perlis Sdn. Bhd.

Abdul Rasid, J. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1):1-12.

Abdul Rasid, J., & Hasmah, I. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2): 49-63.

Abdul Salam, Y. (2003). *Imam Al-Ghazali Pendidikan Berkesan*. Selangor: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Abdullah Hassan. (2005). *Rencana linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Hassan. (2013). *Linguistik untuk guru bahasa*. Koleksi Kertas Kerja. Retrieved from www.koleksikertaskerja1.blogspot.com

Abdullah, H. (2008). *Tatabahasa pedagogi untuk sekolah menengah*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Ahmad Khair, M. N. (2001). *Kemerosotan pencapaian bahasa Melayu peringkat SPM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.

Ahmad Khair, M. N. (2001). *Kemerosotan pencapaian Bahasa Melayu Peringkat SPM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.

Ainun Rahmah, I., Zamri, M., & Wan Muna Ruzanna, W. M. (2017). Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi, dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2): 77-88.

Anderman, M., & Anderman, H. (2010). *Classroom motivation*. New Jersey: Pearson Education, Inc.

Anida, S., & Mohd Rahid. (2013). Anjakan paradigma guru bahasa Melayu ke arah membina berintelek. *Penyelidikan Bahasa*, 4:116-142.

Anuar, A. (2015). Pengaruh kompetensi kemahiran guru dalam pengajaran terhadap pencapaian akademik pelajar. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 3(2): 1-11.

Auli, T., Jukka, H., & Kirsi, T. (2015). Cultivating students' teachers' moral competencies in teaching during teacher education. *Emerald Group Publishing Limited*, 11-31.

Awatif, A., Najuwah, J., & Ku Fatahiyah, K. (2014). Pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca bahasa Arab di KUIS. 4th. *International Conference and Exhibition on Islamic Education*. Kuala Lumpur.

Azizah, Z. (2010). Penggunaan bacaan berulang dapat mempertingkatkan kelancaran dan kefahaman dalam kalangan murid-murid prasekolah. *Jurnal Pendidikan*, 4:312-320.

Azizi, Y., Noordin, Y., & Sabihah, S. (2016). Kajian permasalahan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar tingkatan empat di sekolah menengah berasaskan senarai semak mooney. *Jurnal Pengajian Pendidikan*, 29(1):1-29

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2017). Pelan hala tuju pendidikan bahasa Melayu. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Baharudin, H. (2018). Jadikan kes cikgu Azizan satu pengajaran. Kuala Lumpur: Utusan Online.

Chew, F. P. (2006). Pendidikan kesusasteraan Melayu di Malaysia dan permasalahannya. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 29(1):143-157.

Chong. (2009). Kajian berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Chua, Y. P. (2010). Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw-Hill Malaysia.

Creswell, J. (2005). *Educational Research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative*. New Jersey: Pearson Education Inc.

Dagar, V., & Yadav, A. (2016). Constructivism: A paradigm for teaching and learning. *Arts Social Sciences Journal*, 7(4):1-4.

Dayang Norhafizah, A. S. (2012). Latih tubi bacaan dalam membantu murid pemulihan menguasai kemahiran huruf vokal awalan. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBI, 153-167.

DeBoer, e. (2013). Diversity in students' backgrounds and behaviors in relationship to performance. *Learning International Network Consortium Conference*, Massachusetts Institute of Technology, Cambridge, 1-10.

Doikou, M., & Diamandidou, K. (2011). Enhancing teachers' counselling skills; student teachers' views on a teachers' education programme. *European Journal of*

Teacher Education, 34(1): 61-79.

Estella, W. C., Chizhik, A. W., Catherine, C., & Margaret, G. (2018). Developing student teachers; teaching self-efficacy through shared mentoring in learning environments. *International Journal of Mentoring and Coaching in Education*, 7(1): 35-53.

Fuziati, M. (2012). Kajian tindakan meningkatkan penguasaan membaca murid tahun satu (LINUS) menggunakan kaedah gabungan bunyi kata dengan teknik latih. *Jurnal Pendidikan*, 34(6):37-51.

Gabler, I., & Schroeder, M. (2009). Constructivist method for secondary classroom: engaged minds. In I. Noraini, & O. Shuki, *Teori dan Praktis Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Gilakjani, A., Lai, M., & Ismail, H. (2013). Teachers' use of technology and constructivism. *I.J. Modern Education and Computer Science*, 5(4): 49-63.

Goldberg, e. (2015). Relationship between participants' level of education and engagement in their completion task. *BMC Education*, 146(2):60-67.

Habibah, E. (2008). Motivasi pencapaian pelajar berisiko di sekolah menengah. In: W. A. Wan Zah, & S. Tajularipin, *Pendidikan di sekolah: isu dan cabaran* (pp. 93-108). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Harith@Haris, Z. (2012). Pendidikan Islam di institut pendidikan guru Malaysia. *Jurnal Pengajian Pendidikan Islam* 1(2): 279-294.

Howard, P. P., Craig, B., & et.al. (2009). Teaching word recognition to motivate young children. *Early Childhood Education*

Journal, 36(5):393-401.

Husin Fateh, D., & Nazariyah, S. (2012). Masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah dan cadangan guru dan pelajar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(5):1-16.

Ismail Hussein, A. (2017). Measurement model for excellent teaching practices. *International Journal of Productivity and Performance Management*, 66(3):298- 319.

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor. (2019). Pendekatan cakna terbilang SPM. Shah Alam: Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.

Jahanbakhsh, O. (2016). Education from the perspective of Islamic and Western Scientists. *Turkish Online Journal of Design, Art and Communication, Special Edition*:127-135.

Jeanne, C., & Vicki, A. J. (2009). The reading crisis: why poor children poor behind? *Early Childhood Education Journal*, 1(5):96-115.

Juriah, L. (2010). Senario dan cabaran pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu masa kini. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 10(1):1-17.

Keith, W., Halida, J., & Rosmawijah, J. (2017). How and what teachers learn from collaboratibe professional development. *International Journal for Lesson and Learning Studies*, 9(8):151-168.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2015*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014).

Huraian sukatan pelajaran Bahasa Melayu tingkatan empat. Putrajaya: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Dokumen standard kurikulum dan pentaksiran (DSKP)*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Khalid, S. (2016). Al-Ghazali cultivates education: a comparison with modern theories. *International Journal of Education and Research*, 4(11):425-436.

Lam Thye, L., & Luqman Arif, A. K. (2017). Guru dibimbangi hilang semangat didik pelajar. Kuala Lumpur: Berita Harian Online.

Lasiun, M. (2016). Keberkesanan kaedah visualisasi meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah, *International Seminar of Generating Knowledge Through Research, Universiti Utara Malaysia. Journals of Universitas Muhammadiyah Sidoarjo*, 1(10):687-698.

Lee, E., & Hannafin, M. (2016). A design framework for enhancing engagement in student centered learning. *Education Techonology Research Development*, 64:707-734.

Mahzan, A. (2012). Pendidikan literasi awal kanak-kanak teori dan amali. Perak: Penerbit UPSI.

Mohamad, N. (2009). Penilaian berasaskan kompetensi panduan amalan pengajaran dan pembelajaran berkesan. *Jurnal Pengajian Pendidikan*, 2(2):225-231.

Mohd Asri, Harun & Zulkifley, Hamid (2014). Penerapan komunikatif dalam pengajaran Bahasa Melayu: Kajian kes guru cemerlang. *Jurnal Melayu*, 13:18- 28.

Mohd Majid, K. (2005). Kaedah

penyelidikan pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nasri, A., & Kamarul Azmi, J. (2014). Characteristics of excellent Islamic education lecturers in teaching education. Kuala Lumpur: Institute of Malaysia International Journal of Psychology and Counselling, 6:145-151.

Mohd Nasri, Kamarul, A., & Sulaiman, S. (2017). Pengamalan budaya kompetensi komunikasi pensyarah pendidikan Islam terhadap guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Malaysia. *International Journal of Religion Research in Education*, 7(2):119-127.

Mohd Noor, A., Jasmi, K., & Shukor, A. (2014). Elemen kemahiran pensyarah cemerlang pendidikan Islam di Politeknik Premier. *The Online Journal of Islamic Education*, 96-106.

Mohd Yusof, e. (2011). The dynamics of student participation in classroom observation on level and forms of participation. *Learning and Teaching Congress of UKM*. Penang: UKM.

Mohd Zahirwan, & Paiz, H. e. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun berkaitan kaedah pendidikan dalam kitab Al-Muqaddimah. *Ideology*, 2(1):26-35.

Noor Harzilia, H. (2014). Kemahiran kefahaman dalam membaca. Kuala Lumpur: Scribd. Retrieved from <https://www.scribd.com/document/245822021/kemahiran-kefahaman-pkp3107>

Noornajihan, J., & Abd. Halim, T. (2012). Pedagogi Rasullullah SAW Dalam Pengajaran. *Journal of Islamic Education*, 5(1):41-60.

Noraini, I. (2010). Penyelidikan dalam

pendidikan. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.

Norasmah, O., & Shuki, O. (2009). Kaedah pengajaran dan pembelajaran. *The Journal of Social Sciences and Research*, 5(7):1167-1175.

Noraini, & O. Shuki, Teori dan Praktis Pengajaran dan Pembelajaran (pp. 75-100). Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Noriati, A. R., Lee Keok, C., Zulkifli, M., & Zakiah, N. (2012). Falsafah dan pendidikan di Malaysia. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Nu'tih Kamalia (2015). Konsep ilmu pendidikan menurut Imam Al-Ghazali. *Jurnal Pendidikan Islam*, 6(9):187-201.

Othman, M., & Kassim, A. (2017). Teaching practice of Islamic education teachers based on higher order thinking skills in primary school in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3):401-415.

Pusat Perkembangan Kurikulum. (2017). Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ramlie, H., & Hussin, Z. (2014). Profesionalisme perguruan pendidikan Islam berasaskan Riadhah Ruhhiyyah. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(18):7- 24.

Rozita Radhiah, S. (2011). Penyampaian lisan dalam pengajaran karangan guru cemerlang bahasa Melayu untuk murid-murid tingkatan empat. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*.

Shafizan, J. (2017). 16 tahun da stress? Utusan Online.

- Shahabuddin, H., Rohazani, Y., & Mohd Zohir, A. (2009). Isu dan cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran. In I. Noraini, & O. Shuki, *Teori dan Praktis Pengajaran dan Pembelajaran* (pp. 1-32). Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Sharifah, M., Norhayat, M., Ramlah, H., & Abdul Rasid, J. e. (2008). *Mengajar murid lemah: cabaran dan harapan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Shuki, O., & Rahmad Sukor, A. S. (2009). Menterjemah kurikulum kepada pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. In I. Noraini, & O. Shuki, *Teori dan Praktis Pengajaran dan Pembelajaran* (pp. 33-48). Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd, N. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan. Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Penerbit UPM.
- Silberman, M. (2010). *Pembelajaran aktif: 101 strategi untuk mengajar apa jua subjek*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Sulaiman, M. (2006). Motivasi pengajaran dan pembelajaran. In R. Idris Mohd, & J. Dahlia, *Mengajar dan belajar Bahasa Melayu: penyerapan kemahiran bernilai tambah* (pp. 250-258). Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tengku Sarina, A., & Fatimah, S. e. (2017). Pendekatan konstruktivisme dalam P&P Islamik. *Jurnal of Islamic Educational Research*, 2(1):19-32.
- Utusan Online. (2018). *Perkasa Pendidikan Kesusasteraan Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Online.
- Wan Dyarudin, W. M. (2017). Keberkesanan teknik membaca SQ3R dalam pengajaran kefahaman membaca di sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahaa Melayu*, 7(1): 1-10.
- Yahya Othman. (2005). *Trend dalam pengajaran bahasa Melayu*. Pahang: PTS Professional.
- Yunus, M., Osman, W., & Ishak, M. (2011). Teacher-student relationship factor affecting motivation and academic achievement. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15(3):2637-2641.
- Zakaria, e. (2014). Increasing student mastery and achievement in Islamic education through game techniques, memory aid 'the link' and mind maps. *Journal Applied Sciences*, 13(16):3203-3208.
- Zamri, M. (2012). Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 18(1):1-9.
- Zamri, M., Celinea, a. L., & Nik Mohd. Rahimi, N. Y. (2016). Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta di Negeri Sarawak. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, 1:8-25.
- Zulkifley, H. (2012). Keupayaan berbahasa Melayu dalam kerangka satu Malaysia. *Jurnal of Social Sciences and Humanities*, 7(1):224-234.
- Zuraini, J. (2014). Kesan pendekatan naratif dan komunikatif terhadap motivasi belajar, keterlibatan dalam pembelajaran dan pencapaian kemahiran mengarang. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(4):25-43.